

KRITERIA KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Akauntan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkenaan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024 telah menjumudkan sebanyak 22 skim perkhidmatan termasuk Skim Pegawai Kewangan Gred W41, W44, W48, W52 dan W54. Pegawai yang terlibat dengan penjumudan skim perkhidmatan Pegawai Kewangan telah ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA seperti berikut:

Pegawai Kewangan Gred W41, W44, W48, W52, W54	Akauntan Gred WA9, WA10, WA12, WA13, WA14 (Memiliki kelayakan Perakaunan)
	Pegawai Tadbir Gred N9, N10, N12, N13, N14 (Memiliki kelayakan selain Perakaunan)

2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkenaan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024 juga telah menggariskan prinsip kenaikan pangkat tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan secara jawatan gred fleksi seperti mana yang telah diberikan kepada skim-skim perkhidmatan antaranya Pensyarah Universiti, Pegawai Penyelidik dan Akauntan dipanjangkan kepada skim-skim perkhidmatan Pengajar, Pegawai Latihan dan Pegawai Sains.

2.3 Dalam melaksanakan urusan ini, Ketua Perkhidmatan perlu mewujudkan kriteria kecemerlangan yang boleh digunakan sebagai kaedah tapisan untuk kenaikan pangkat dan mengemukakannya kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.

2.4 Selaras dengan laluan kenaikan pangkat berasaskan kriteria kecemerlangan, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat melaksanakan tugas tambahan di gred kenaikan pangkat yang baharu.

3.0 KRITERIA KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT SKIM AKAUNTAN

- 4.1. Kenaikan pangkat bermaksud peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan yang sama tertakluk kepada kelulusan dan perakuan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat.
- 4.2. Merujuk kepada perbekalan skim perkhidmatan, syarat kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Akauntan (WA) adalah seperti berikut:
 - 4.2.1. Akauntan Gred WA9/10/12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA10/12/13 **yang kosong** apabila telah:
 - a. disahkan dalam perkhidmatan;
 - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - d. Ahli MIA; dan
 - e. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 - 4.2.2. Akauntan Gred WA9/10/12/13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA10/12/13/14 **tanpa tertakluk kepada kekosongan** jawatan apabila telah:
 - a. disahkan dalam perkhidmatan;
 - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - d. memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
 - e. Ahli MIA; dan
 - f. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 - 4.2.3. Akauntan Gred WA9 yang memperoleh **kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke jawatan Akauntan Gred WA12 **tanpa tertakluk kepada kekosongan** jawatan apabila telah:
 - a. disahkan dalam perkhidmatan;
 - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - d. memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
 - e. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 - 4.2.4. Akauntan Gred WA13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA14 **yang kosong** apabila telah:
 - a. disahkan dalam perkhidmatan;
 - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - d. Ahli MIA;
 - e. keutamaan diberikan kepada pegawai yang memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan; dan
 - f. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

4.2.5. Akauntan Gred WA14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi **yang kosong** dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

4.3. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 15 Januari 2025 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2025 bertarikh 20 Mac 2025 telah meluluskan Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Akauntan adalah seperti berikut:

4.3.1. Kenaikan pangkat dengan kekosongan jawatan:

Syarat Umum					
a. Disahkan dalam perkhidmatan; b. Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terakhir berdasarkan wajaran serta markah prestasi pada tahun terkini hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%; c. Melempi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; d. Diperaku oleh Ketua Jabatan; e. Bebas daripada hukuman tatatertib; f. Telah mengisytiharkan harta; g. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); h. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan i. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM).					
Kriteria Kecemerlangan	Gred Kenaikan Pangkat				
	WA10	WA12	WA13	WA14	
a. Ahli MIA	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib	
b. Memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan Ikhtisas Perakaunan	-	-	Keutamaan sahaja	Keutamaan sahaja	
c. Memenuhi latihan kompetensi mengikut gred yang ditetapkan seperti berikut:					
	Gred / Jam Latihan				
Latihan	WA9	WA10	WA12	WA13	WA14
Kursus Fungsian	28 (70%)	28 (70%)	24 (60%)	18 (45%)	12 (30%)
Kursus Generik	8 (20%)	8 (20%)	8 (20%)	10 (25%)	12 (30%)
Kursus Kepimpinan	4 (10%)	4 (10%)	8 (20%)	12 (30%)	16 (40%)
Jumlah	40	40	40	40	40
d. Menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) projek inovasi/ penerbitan/ penyelidikan yang didaftarkan dalam sistem berkaitan.					

4.3.2. Kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan:

Syarat Umum																																								
a. Disahkan dalam perkhidmatan; b. Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terakhir berdasarkan wajaran serta markah prestasi pada tahun terkini hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%; c. Melempi nilai penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; d. Diperaku oleh Ketua Jabatan; e. Bebas daripada hukuman tatatertib; f. Telah mengisytiharkan harta; g. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); h. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan i. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM).																																								
Kriteria Kecemerlangan	Gred Kenaikan Pangkat																																							
	WA10	WA9-WA12	WA12	WA13	WA14																																			
a. Tempoh minimum sandangan di gred jawatan semasa	6 tahun	6 tahun	5 tahun	5 tahun	3 tahun																																			
b. Ahli MIA	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib																																			
c. Memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan Ikhtisas Perakaunan	-	Wajib	Wajib	Wajib	Wajib																																			
d. Memenuhi latihan kompetensi mengikut gred yang ditetapkan seperti berikut:																																								
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 0 auto;"> <thead> <tr style="background-color: #d9e1f2;"> <th rowspan="2" style="text-align: center; padding: 5px;">Latihan</th> <th colspan="5" style="text-align: center; padding: 5px;">Gred / Jam Latihan</th> </tr> <tr style="background-color: #d9e1f2;"> <th style="text-align: center; padding: 5px;">WA9</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">WA10</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">WA12</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">WA13</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">WA14</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Kursus Fungsian</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">28 (70%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">28 (70%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">24 (60%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">18 (45%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">12 (30%)</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kursus Generik</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">8 (20%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">8 (20%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">8 (20%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">10 (25%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">12 (30%)</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kursus Kepimpinan</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">4 (10%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">4 (10%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">8 (20%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">12 (30%)</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">16 (40%)</td> </tr> <tr style="font-weight: bold;"> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Jumlah</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">40</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">40</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">40</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">40</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">40</td> </tr> </tbody> </table>						Latihan	Gred / Jam Latihan					WA9	WA10	WA12	WA13	WA14	Kursus Fungsian	28 (70%)	28 (70%)	24 (60%)	18 (45%)	12 (30%)	Kursus Generik	8 (20%)	8 (20%)	8 (20%)	10 (25%)	12 (30%)	Kursus Kepimpinan	4 (10%)	4 (10%)	8 (20%)	12 (30%)	16 (40%)	Jumlah	40	40	40	40	40
Latihan	Gred / Jam Latihan																																							
	WA9	WA10	WA12	WA13	WA14																																			
Kursus Fungsian	28 (70%)	28 (70%)	24 (60%)	18 (45%)	12 (30%)																																			
Kursus Generik	8 (20%)	8 (20%)	8 (20%)	10 (25%)	12 (30%)																																			
Kursus Kepimpinan	4 (10%)	4 (10%)	8 (20%)	12 (30%)	16 (40%)																																			
Jumlah	40	40	40	40	40																																			
e. Menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) projek inovasi/ penerbitan/ penyelidikan yang didaftarkan dalam sistem berkaitan.																																								

4.4. Borang senarai semak pencapaian Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Akauntan adalah seperti pada **Lampiran A**.